

28/06/1998

## Kaedah pujuk rakyat menabung

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang mengkaji kaedah untuk memujuk rakyat supaya tidak menyimpan wang di luar negara bagi mengelakkan tabungan itu digunakan untuk dagangan mata wang yang menyebabkan nilai ringgit terus jatuh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang sedang mengkaji masalah ekonomi negara, juga akan mengenal pasti bagaimana wang dari negara ini mudah dibawa keluar.

"Kita nak tahu bagaimana ia mengalir keluar dan bagaimana caranya untuk pujuk rakyat supaya tidak menghantar wang keluar kerana ia membawa kesan buruk kepada ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan di sini, semalam.

Sebelum merasmikan persidangan itu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat MTEN pagi semalam.

Bulan lalu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, berkata lebih RM3.4 bilion wang yang disimpan di institusi kewangan tempatan dipercayai dipindahkan ke luar negara secara sulit, sejak negara mengalami kegawatan ekonomi.

Beliau berkata, wang berkenaan dikatakan 'lesap' ke luar negara melalui saluran yang tidak dapat dikesan oleh sistem kewangan.

Affifuddin berkata, perangkaan Bank Negara Malaysia (Bank Negara) berhubung aliran dana melalui bank perdagangan sepanjang tahun lalu menunjukkan wang sejumlah RM3.4 bilion dibawa keluar dari Malaysia serta disimpan di luar negara, manakala dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini sebanyak RM659.98 juta.

"Bagaimanapun, jumlah wang yang dibawa masuk ke Malaysia daripada akaun bank luar negara sepanjang tempoh itu didapati berjumlah RM21.5 bilion," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau hairan dan tidak tahu bagaimana wang itu masih terus mengalir keluar, sedangkan kadar faedah di luar negara sudah turun.

Berikutan itu, kata Dr Mahathir, nilai wang yang dihantar keluar itu turut jatuh.

Ditanya apakah jaminan kerajaan bagi menggalakkan rakyat membawa pulang wang yang disimpan di luar negara, Dr Mahathir berkata, mereka perlu melaporkan terlebih dahulu bagi mengelak dikenakan cukai.

"Ramai yang bimbang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan mencari mereka. Sebab itu kita mensyaratkan mereka melaporkan terlebih dahulu jika duit ini digunakan untuk syarikat.

"Kalau tak buat laporan, income tax (LHDN) akan soal dari mana datangnya duit itu dan jika mengaku ia dibawa dari luar tanpa sebarang bukti, jadi terpaksa bayar cukai sebab dianggap pendapatan dalam negara," katanya.

(END)